

02/07/2002

Faktor luar pengaruhi sentimen di BSKL

PRESTASI Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang tidak menentu sejak seminggu lalu bukan kesan pengumuman pengunduran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menerajui kepemimpinan negara.

Sebaliknya, keadaan itu banyak dipengaruhi faktor utama lain, termasuk skandal kewangan yang melanda Worldcom Inc kerana ada pelabur yang melihat pasaran berdasarkan sentimen.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Shafie Salleh, berkata jika pelabur meletakkan keyakinan terhadap asas sebenar BSKL, perkara itu tidak mungkin berlaku atau berterusan.

Bagaimanapun, beliau tidak menafikan pasaran terjejas sehari dua dalam seminggu lalu kesan sementara pengumuman Dr Mahathir yang akan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Presiden Umno serta Pengerusi Barisan Nasional.

"Namun keadaan pulih semula apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menjelaskan kedudukan sebenar Dr Mahathir.

"Apa yang menjejaskan BSKL kebelakangan ini ialah kerana pelabur dipengaruhi isu baru skandal kewangan Worlcom Inc dan pasaran Wall Street," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis perasmian Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Renok Baru, dekat Gua Musang, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas prestasi BSKL yang tidak menentu kebelakangan ini yang dikatakan berpunca daripada pengumuman Perdana Menteri untuk melepaskan jawatan.

Shafie berkata, keadaan turun naik pasaran saham BSKL itu menjadi fenomena biasa apabila pelabur banyak dipengaruhi isu yang ada kaitan dengan pemerintahan negara dan kewangan.

Justeru itu, beliau yakin BSKL tidak akan terus muram, sebaliknya berada dalam keadaan yang lebih kukuh kerana pelbagai isu yang timbul sekarang hanya sementara.